**LAMPIRAN E**

**SKIM PERKHIDMATAN**
**PEGAWAI SAINS**

| | | |
|---|---|---|
| **KLASIFIKASI** | **:** | **PERKHIDMATAN SAINS** |
| **KUMPULAN PERKHIDMATAN** | **:** | **PENGURUSAN DAN PROFESIONAL** |
| **TARIKH KUAT KUASA** | **:** | **2 JULAI 2009** |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| **Gred** | **:** | **Jadual Gaji Matriks** | | |
| **Gred C41** | **:** | P1T1 RM1716.72 | - | P1T27 RM4716.86 |
| | | P2T1 RM1812.73 | - | P2T27 RM4997.81 |
| | | P3T1 RM1912.92 | - | P3T27 RM5285.98 |
| **Gred C44** | **:** | P1T1 RM3023.34 | - | P1T14 RM5013.25 |
| | | P2T1 RM3346.17 | - | P2T14 RM5480.77 |
| **Gred C48** | **:** | P1T1 RM4425.97 | - | P1T8 RM5877.28 |
| | | P2T1 RM4865.68 | - | P2T8 RM6433.89 |
| **Gred C52** | **:** | P1T1 RM4981.18 | - | P1T8 RM6432.49 |
| | | P2T1 RM5454.29 | - | P2T8 RM7022.50 |
| **Gred C54** | **:** | P1T1 RM5252.52 | - | P1T8 RM6837.45 |
| | | P2T1 RM5717.28 | - | P2T8 RM7460.84 |

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

(a) warganegara Malaysia;

(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

(c) ijazah Sarjana Muda Sains Kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred C41:P1T3);

dan (d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN**

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Sains, Juruteknologi Makmal Perubatan, Penolong Pegawai Perubatan, Jururawat Pergigian dan Juruteknologi Pergigian adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pegawai Sains Gred C41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

(a) memiliki kelayakan dalam perenggan 1(c) di atas; dan

(b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

**PENETAPAN GAJI PERMULAAN**

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred C41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

**TEMPOH PERCUBAAN**

4. Pegawai Sains Gred C41 yang dilantik secara terus adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan 1 hingga 3 tahun.

**LATIHAN**

5. Pegawai Sains boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan.

**KURSUS INDUKSI/ PEPERIKSAAN**

6. Pegawai Sains Gred C41 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**

7. Pegawai Sains C41 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**

8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan berdasarkan prestasi pekhidmatan.

**PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN**

9. Pegawai Sains hendaklah melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED C44**

10. Pegawai Sains Gred C41 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Sains Gred C44 yang kosong apabila telah:-

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(d) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED C48**

11. Pegawai Sains Gred C44 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Sains Gred C48 yang kosong apabila telah:-

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan;

(c) diperaku oleh ketua jabatan/ perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED C52**

12. Pegawai Sains Gred C48 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Sains Gred C52 yang kosong apabila telah:-

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan;

(c) diperaku oleh ketua jabatan/ perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED C54**

13. Pegawai Sains Gred C52 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Sains Gred C54 yang kosong apabila telah:-

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan;

(c) diperaku oleh ketua jabatan/ perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED YANG LEBIH TINGGI**

14. Pegawai Sains Gred C54 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong.

**Nota:** Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.1.2005
[Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2004, JPA(S)324/14/24 Klt.18 (1)]